

Pandangan Hasan al-Banna Terhadap Agenda Pembangunan Ummah dan Pelaksanaannya di Malaysia¹

Oleh: Mohd Hazizi bin Ab. Rahman²

PENGENALAN

Abstrak

Tujuan artikel ini ialah untuk penulis mengutarakan pandangan al-Imam as-Syahid Hasan al-Banna terhadap agenda pembangunan umat secara menyeluruh dan bersepadu. Seterusnya penulis bertujuan membuat penilaian dan mengenal pasti kepentingan agenda tersebut dilaksanakan di Malaysia. Untuk mencapai tujuan di atas, penulis menggunakan kaedah kajian perpustakaan, temubual dengan pendukung pemikiran ini dan pengalaman penulis sendiri dalam melaksanakannya. Berdasarkan kajian di atas, penulis mendapati bahawa agenda pembangunan umat yang dibawa oleh Hasan al-Banna merupakan pakej penyelesaian menyeluruh bagi kemelut yang dihadapi oleh umat Islam pada hari ini. Ini bermakna, pakej ini amat sesuai untuk dilaksanakan di seluruh dunia, termasuk di Malaysia. Bagaimanapun, penulis menyarankan agar kajian lanjut dilakukan terhadap beberapa sudut, dalam aspek pelaksanaan agenda ini di peringkat tempatan, yang memerlukan langkah-langkah inovatif dan pembaharuan demi kesesuaian dengan watan dan warga yang berbeza.

Pendahuluan

Realiti umat Islam di seluruh dunia umumnya, dan di Malaysia secara khusus, menuntut satu usaha perubahan jangka panjang yang benar-benar berkesan, bagi merawat segala penyakit yang dihidapi dan seterusnya melahirkan semula generasi umat yang memimpin bangsa-bangsa lain, seperti yang pernah berlaku dalam sejarah manusia. Pendekatan jalan pintas, tempelan dan usaha yang berpaksikan isu tidak akan menyelesaikan masalah, apatah lagi untuk membina, memaju dan membangun semula umat dan tamadunnya.

Kejatuhan Khilafah Othmaniah hanyalah merupakan peristiwa kemuncak bagi senario urutan kemunduran umat dalam segenap lapangan kehidupan, yang berlangsung dalam jangka masa yang tidak singkat. Islam di kepulauan Melayu tidak terkecuali daripada senario kemunduran ini. Oleh yang demikian, adalah penting untuk kita melihat kemelut yang dihadapi oleh umat Islam di Malaysia dalam kerangka yang lebih besar dan universal. Pendekatan ini amat penting dalam

usaha kita mencari jawapan dan jalan keluar yang hakiki. Untuk tujuan itu, satu kajian yang mendalam dan menyeluruh perlu dilakukan terhadap realiti umat dan sejarah jatuh bangunnya. Penulis mendapati al-Imam as-Syahid Hasan al-Banna telah mempelopori usaha ini selepas 4 tahun kejatuhan Khilafah Othmaniah dan melakar satu manhaj perubahan yang menyeluruh dan bersepadu. Bahkan beliau telah mengasaskan gerakan Ikhwan Muslimin bagi melaksanakan agenda perubahan menyeluruh ini dan Ikhwan Muslimin telah berjaya menimba pengalaman selama lebih 80 tahun dan aktif di lebih 90 buah negara di seluruh dunia. Ia merupakan aset pengalaman yang kaya, yang menunjukkan betapa pemikiran Hasan al-Banna dalam agenda pembangunan umat amat perlu diberi perhatian sewajarnya di Malaysia.

Objektif

1) Melakar gambaran menyeluruh dan bersepadu mengenai pandangan Hasan al-Banna terhadap agenda pembangunan ummah.

Pemikiran al-Imam as-Syahid Hasan al-Banna bukanlah suatu perkara yang asing bagi kebanyakan pendukung gerakan-gerakan Islam tanah air, terutamanya di era 80an. Bagaimanapun, pemikiran beliau mengambil posisi yang berbeza-beza dalam agenda gerakan-gerakan tersebut, akibat perbezaan dalam menanggapi dan memahami gagasan yang dibawa oleh beliau. Selain itu, faktor zaman yang berubah dan tempoh masa yang lama mengakibatkan pemikiran beliau yang dikuasai oleh generasi pertama semakin pudar dan luntur di kotak fikiran generasi kemudian. Perubahan zaman dan tempoh masa yang lama ini merupakan fenomena alam yang memberi kesan kepada segala sesuatu. Oleh yang demikian, usaha untuk melakar semula pemikiran beliau dalam bentuk yang menyeluruh dan bersepadu amat perlu dilakukan, demi merapatkan perbezaan fahaman tadi dan menyegarkan semula penguasaan fikrah bagi generasi kemudian.

Di satu sudut lain, masyarakat awam hampir tidak mengenali langsung tokoh dunia Islam yang ulung ini, jauh lagi mahu memahami gagasannya. Kegagalan mengungkapkan semula pemikiran Hasan al-Banna dalam kerangka realiti tempatan, ditambah dengan ketiadaan lembaga yang menzahirkan gagasan beliau secara menyeluruh dan bersepadu ke alam realiti, telah memanjangkan tempoh situasi terasing dan terpinggir yang dialami oleh pemikiran yang unggul ini di bumi Malaysia. Walaupun pemikiran beliau telah membuahkan hasil yang signifikan dalam perkembangan dan pembangunan umat di banyak negara dunia Islam, termasuk Malaysia,

keadaan itu tidak menunjukkan kadar yang berpatutan dengan kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang disebut-sebut sebagai negara contoh.

2) Menilai kepentingan pelaksanaan agenda ini di Malaysia

Senario selepas PRU 12 memperlihatkan perubahan lanskap politik negara yang amat ketara berbanding sebelumnya. Kelihatan pendekatan liberal lebih disenangi dalam banyak situasi semasa demi memenangi hati pihak-pihak tertentu. Keadaan ini menimbulkan keraguan tentang jaminan masa depan perjuangan untuk mendaulatkan Islam dan syariat-Nya di bumi sendiri. Keadaan ini bertambah buruk apabila terdapat sebahagian di kalangan pemuka Islam sendiri masih bertelagah dalam isu-isu ranting sehingga ke tahap merugikan. Akibatnya umat Melayu Islam marhaen berada di dalam lingkungan kekeliruan yang berpanjangan. Di sinilah letaknya keperluan yang amat mendesak untuk diketengahkan pemikiran al-Imam as-Syahid ini sebagai alternatif bagi kerangka pemikiran Islam tanah air yang selama ini sentiasa dibayangi oleh blok-blok politik kepartian dan berpaksikan isu semasa yang tiada penghujung. Mengeluarkan umat Melayu Islam Malaysia dari kerangka pemikiran lama ini kepada kerangka pemikiran Hasan al-Banna, yang berpaksi pada elemen pembangunan dan pembinaan umat, serta berorientasikan matlamat jangka panjang, merupakan satu objektif yang penting untuk dicapai.

PEMIKIRAN HASAN AL-BANNA TERHADAP AGENDA PEMBANGUNAN UMMAH

Asas Tasawur

Permasalahan yang dihadapi oleh umat Islam sedunia difahami dan ditanggapi dalam pelbagai bentuk yang berbeza-beza. Sama ada tanggapan itu dangkal, mendalam, terhad atau menyeluruh amat bergantung pada paradigma seseorang melihat sesuatu perkara dan sejauh mana paradigma itu kukuh dan mantap dalam diri sehingga menjadi akidah dan pegangan hidup. Ramai yang menyedari bahawa umat Islam sedang berdepan dengan kemelut besar di seluruh dunia, tetapi tidak ramai yang berusaha untuk menganalisis situasi secara serius. Di kalangan yang menganalisis, tidak ramai yang berjaya melakarkan satu agenda yang jelas. Al-Imam as-Syahid Hasan al-Banna bukan sekadar berjaya melakarkan agenda pembangunan ummah yang jelas, bahkan beliau telah berjaya meletakkan agenda itu ke alam realiti melalui jamaah Ikhwan

Muslimin. Segala-galanya berpunca daripada tasawurnya yang menyeluruh terhadap isu sebenar umat Islam, selain tasawur dan pegangan akidah yang bersumberkan al-Quran dan Sunnah.

Analisis Sejarah

Pepatah Arab ada mengatakan: “Sejarah sentiasa berulang”. Sesungguhnya sejarah merupakan sumber pengetahuan yang amat bernilai bagi pejuang yang mahu melakukan perubahan dalam masyarakat dan dunia. Peristiwa yang berlaku dalam sejarah umat manusia, termasuk sejarah umat Islam, mengandungi banyak pengajaran yang memberi petunjuk di sepanjang liku perjuangan. Oleh yang demikian, kita dapati al-Imam as-Syahid Hasan al-Banna telah melakukan kajian terhadap sejarah umat manusia secara umum dan sejarah umat Islam secara khusus.

Perkara ini dapat dilihat dalam risalah “Antara Semalam dan Hari Ini” yang menjadi medan khusus untuk beliau mengupas sejarah Islam dan menyusun satu persatu urutan jatuh bangun Islam, serta mengeluarkan banyak pengajaran berharga bagi umat ini. Dalam risalah “Antara Semalam dan Hari Ini” al-Imam as-Syahid telah merumuskan sejarah jatuh bangun umat Islam dalam tujuh pusingan.

Pusingan pertama bermula dengan lahirnya dakwah Islam yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W., yang mengisytiharkan kewujudan satu sistem hidup baru dengan sumber rujukan dan identiti yang baru. Kewujudan sistem baru ini telah menggariskan beberapa panduan teori dan amali bagi usaha perubahan masyarakat yang menyeluruh.

Seterusnya pusingan ini diikuti dengan penegakan negara Islam yang pertama di Madinah, yang menggambarkan cara pelaksanaan sistem baru itu ke dalam alam realiti dengan satu sistem sosial berteraskan al-Quran, kejayaan menyatukan masyarakat tanpa mengira agama dan bangsa di bawah naungan Islam, mewujudkan kesatuan politik di bawah naungan Khilafah yang satu, mengusir ancaman kuasa penyembah berhala, Yahudi dan Kristian, membuka wilayah-wilayah Islam yang baru di segenap penjuru dunia, menguasai bidang-bidang strategik dan laluan daratan dan lautan, mengadakan hubungan dengan tamadun lain serta mengimport pencapaian mereka yang berfaedah.

Pusingan ketiga menampakkan tanda-tanda keruntuhan apabila struktur negara, terutamanya di peringkat kepimpinan tertinggi, dijangkiti dengan pelbagai penyakit berbahaya, antaranya ialah percakaran politik dan perebutan kuasa, pertelingkahan dalam isu-isu cabang agama dan mazhab,

suka berdebat dan berbahas, tenggelam dalam kemewahan, perlantikan jawatan bagi mereka yang tidak layak, mencuaikan penguasaan ilmu sains, leka dan kagum dengan kekuatan sendiri sehingga cuai terhadap perkembangan musuh, mudah kagum pada pencapaian musuh dan tertipu dengan tipu helah mereka lalu meniru perkara yang memudaratkan.

Pusingan keempat bermula dengan serangan Tatar ke atas Baghdad yang merupakan ibukota kuasa besar pada masa itu, Khilafah Abbasiyah. Ini diikuti dengan sembilan siri Perang Salib sehingga jatuhnya Baitul Maqdis di tangan tentera Salib dan jatuhnya Khilafah Othmaniah sebagai struktur kuasa Islam yang terakhir. Wilayah-wilayah Islam dijajah dan dibahagi-bahagi sesama negara Eropah. Selepas perjuangan yang panjang, sesetengah wilayah Islam ini mendapat kemerdekaan atas nama nasionalisme sebagai satu konsep negara yang baru. Pusingan keempat ini dikenali sebagai pusingan pertembungan politik dan serangan ketenteraan.

Pusingan kelima bermula apabila berlakunya pertembungan antara gereja dan sains, sehingga lahirnya ideologi sekularisme. Ideologi baru ini yang memisahkan agama daripada urusan kehidupan telah melahirkan arus kebendaan yang menjadi “sembahan” baru manusia. Arus kebendaan ini seterusnya dibawa masuk ke negara-negara umat Islam melalui sistem pendidikan dan pengaruh sosial penjajah. Pusingan ini seterusnya dilengkapi dengan pengeliruan umat Islam terhadap erti agama mereka sendiri, sehingga difahami dalam sudut-sudut tertentu sahaja seperti beberapa upacara dan istiadat keagamaan semata-mata.

Al-Imam as-Syahid menegaskan bahawa tamadun barat yang berasaskan materialisme telah berjaya mengalahkan tamadun Islam yang berasaskan nilai akidah, dalam satu pertarungan yang menjadikan jiwa, akidah dan pemikiran muslimin sebagai sasaran. Barat juga menang dalam pertarungan politik dan ketenteraan, selain pertarungan sosial ini. Ini merupakan batu tanda bagi pusingan keenam.

Akhirnya, beliau menegaskan bahawa pusingan seterusnya ialah kebangkitan semula Islam, setelah kedengaran suara-suara yang menyeru agar kembali kepada Islam, akibat krisis sosial, politik, ekonomi dan pendidikan yang ditinggalkan oleh penjajah.

Sesungguhnya kajian yang teliti terhadap risalah tersebut akan memberikan gambaran yang menyeluruh dan lengkap mengenai asas-asas bagi agenda pembangunan ummah yang dilakarkan oleh al-Imam as-Syahid. Ia turut memperlihatkan betapa mendalamnya kesan dimensi sejarah

dalam membentuk fikrah dan gerakan al-Banna. Beberapa noktah penting yang dapat diambil daripada risalah tersebut ialah:

- 1- Ia memberikan satu gambaran yang menyeluruh, lengkap dan jelas mengenai perkembangan sejarah dan urutan peristiwa yang dilalui oleh umat Islam secara menyeluruh.
- 2- Gambaran yang menyeluruh, lengkap dan jelas itu selanjutnya memberikan petunjuk-petunjuk penting mengenai ciri-ciri agenda perubahan Islam yang menyeluruh dan bersepadu.
- 3- Gambaran latar belakang sejarah yang lengkap dan agenda perubahan Islam yang menyeluruh itu dapat memastikan gerakan Islam tidak terjebak ke dalam pertembungan dan pertelingkahan sampingan yang merugikan.
- 4- Ia menggambarkan titik-titik perbezaan, persaingan dan pertembungan antara dakwah Islam dan seruan-seruan yang bertentangan, yang boleh dijadikan panduan bagi generasi kemudian mengenai hakikat sebenar pertembungan antara barat dan Islam.
- 5- Ia membentangkan petunjuk-petunjuk penting yang memerikan negara Islam, berserta sistem sosial dan ekonominya, yang diambil daripada model perlaksanaannya pada zaman gemilang.

Selain sejarah Islam, beliau turut menyentuh tentang sejarah jatuh bangun tamadun manusia dan gerakan pembaharuan di dunia, dan seterusnya mengeluarkan petunjuk-petunjuk daripada lipatan sejarah itu yang merupakan undang-undang alam yang ditentukan oleh Allah S.W.T. bagi seluruh umat manusia, tanpa mengira agama dan kaum, dalam persaingan, perebutan dan pertembungan sesama mereka. Antaranya, beliau dipetik sebagai berkata:

“Kebangkitan mana-mana bangsa bermula dalam keadaan yang lemah hingga ia dilihat mustahil akan berlaku. Walaupun kelihatan mustahil namun sejarah membuktikan kesabaran, ketabahan, kebijaksanaan dan ketekunan akan membawa kebangkitan ini yang bermula dalam keadaan begitu lemah dan tidak berkeupayaan ke puncak kejayaan yang diidam oleh para pendokongnya...” (al-Banna, 1991”)

Kesimpulannya, Hasan al-Banna membina tasawur agenda perubahan dan pembangunan umat berasaskan kepada pemahaman yang lengkap dan menyeluruh terhadap sejarah dan peristiwa yang dialami oleh umat Islam.

Analisis Realiti

Perjuangan untuk merubah realiti umat yang mundur dalam segenap lapangan kehidupan kepada satu keadaan yang diimpikan oleh pendukung dan pejuang Islam, menuntut satu kajian realiti yang menyeluruh dan mendalam. Kajian realiti ini amat perlu dilakukan agar kita dapat melihat gambaran yang menyeluruh dan mendalam mengenai permasalahan sebenar umat Islam. Tanpa kajian realiti, kemungkinan besar usaha-usaha pengislahan akan tersasar daripada landasan yang betul dan mendedahkan perjuangan kepada bahaya terbabit dalam pertelingkahan sampingan yang tidak berkesudahan. Kajian realiti juga dapat mengenal pasti aspek-aspek kekuatan dan kelemahan umat, ancaman dari luar dan dalam, cabaran yang menanti dan peluang yang perlu direbut.

Al-Imam al-Banna telah melakukan kajian terhadap realiti umat Islam. Perkara ini jelas dalam kenyataannya dalam banyak tempat dalam buku Majmuah Rasail, antaranya ialah risalah “Muktamar Keenam”. Penulis merasakan petikan ungkapan al-Imam as-Syahid di bawah sudah cukup membayangkan keperihatinan beliau terhadap penguasaan realiti sebagai asas tasawur dalam melakar agenda pembangunan umat:

Pengalaman dan sejarah telah mengajar kita bahawa penyakit bangsa Timur ini wujud dalam pelbagai keadaan dan telah menular ke setiap sudut hayat mereka.

i- Di sudut politik bangsa ini telah dijajah oleh musuhnya. Dalam masa yang sama masyarakatnya pula hidup dalam keadaan berpuak, bermusuh dan berpecah.

ii- Di sudut ekonomi, amalan riba berleluasa di semua lapisan dan syarikat asing menguasai sumber kekayaan mereka.

iii- Di sudut pemikiran, timbul kekeliruan, kemurtadan dan amalan menolak tuhan yang boleh menggugat akidah mereka dan menghancurkan nilai-nilai baik dalam diri masyarakat mereka.

iv- Di sudut sosial pula, wujud budaya pergaulan bebas dan keruntuhan akhlak serta tidak mahu terikat dengan mana-mana budaya baik yang mereka warisi daripada generasi lama. Sifat terikut-ikut dengan budaya barat juga menular dalam kehidupan harian mereka ibarat bisa ular yang meracuni darah dan mencemar kesucian hidup mereka.

v- Begitu juga dengan undang-undang ciptaan manusia yang tidak mampu menakutkan penjenayah dan tidak mampu mendidik serta tidak mampu mengembalikan hak daripada orang yang zalim. Mereka mengamalkan undang-undang yang tidak mampu

menandingi undang-undang langit yang telah digubal oleh Tuhan yang mencipta manusia, Raja segala-galanya dan Pemilik jiwa manusia.

vi- Begitu juga wujud kepincangan dalam dasar pelajaran dan polisi pendidikan hingga menghalang generasi baru; bakal pemimpin dan pendokong kebangkitan masa depan daripada menerima bimbingan yang betul.

vii- Di sudut kejiwaan, bangsa ini ditimpa sifat-sifat putus asa, malas, pengecut, rendah diri, bacul, kedekut dan ego yang menyekat tangan mereka dari sifat memberi. Mereka hanya berdiam diri tanpa mampu memberikan sebarang pengorbanan. Akhirnya bangsa ini terkeluar daripada senarai pahlawan dan masuk ke dalam barisan mereka yang hanya mahu berseronok dan berhibur.

Apakah yang boleh diharapkan daripada sebuah bangsa yang memiliki segala faktor kelemahan ini, malah mereka berada di tahap maksimum; dijajah, berpuak, mengamalkan riba, dikuasai syarikat asing, anti agama, kelucahan, kepincangan sistem pendidikan dan perundangan, tidak bersemangat, tamak, bacul, pengecut, kagum dengan musuh sendiri hingga bersedia mengikut apa sahaja yang dilakukan oleh musuh terutama amalan yang tidak sihat.

Mana-mana satu daripada penyakit ini sudah cukup untuk membunuh sebuah bangsa. Apatah lagi jika semua penyakit ini ada pada mereka. Jika tidak kerana kekebalan, keutuhan dan kekuatan yang dimiliki oleh bangsa Timur yang diheret oleh musuh dan semenjak sekian lama cuba disuntik dengan wabak kuman hingga ia membiak, jika tidak kerana kekebalan ini sudah tentu bangsa ini tidak lagi wujud. Namun Allah dan orang-orang yang beriman tidak akan merelakannya.

Saudara, ini adalah penyakit ummah yang telah dikenal pasti oleh Ikhwan. Inilah yang sedang diusahakan oleh mereka iaitu untuk menyembuh dan mengembalikan semula kesihatan dan semangat mudanya yang telah hilang. (al-Banna, 1991)

Al-Imam as-Syahid juga menganalisis realiti umat secara kuantitatif, membayangkan betapa beliau tidak berpada pada maklumat cetek dalam menilai realiti. Contohnya seperti berikut:

Saudara, di sini ada beberapa statistik yang menunjukkan ancaman sosial yang amat hebat yang sedang kita hadapi. Jika tidak kerana rahmat Allah sudah tentu kesannya terlalu berat untuk kita terima.

1. Petani di Mesir berjumlah 8 juta orang dan tanah yang sesuai untuk diusahakan hampir 6 juta ekar. Ini bermakna nisbah setiap petani ialah dua pertiga ekar. Di sebalik fakta ini kita dapat perhatikan, bumi Mesir kini hilang kelebihannya kerana kelemahan sistem pengairan dan penggunaan yang berlebihan. Atas alasan ini tanah pertanian di Mesir memerlukan baja buatan yang berlipat kali ganda lebih banyak berbanding kawasan pertanian yang lebih rendah dari segi kualiti dan kesuburannya. Jumlah penduduk bertambah dengan pesat. Agihan tanah pertanian pula adalah seperti berikut, 4 juta petani tidak memiliki sebarang tanah, 2 juta hanya memiliki tidak sampai setengah ekar sementara kebanyakan petani yang lain hanya memiliki tidak lebih lima ekar tanah. Keadaan ini menunjukkan sejauhmana kadar kemiskinan para petani Mesir. Taraf hidup mereka berada di tahap yang membimbangkan.

4 juta rakyat Mesir memperolehi pendapatan maksimum hanya sebanyak 80 sen sebulan. Jika kita andaikan mereka memiliki seorang isteri dan tiga orang anak iaitu mengikut purata keadaan hidup penduduk desa di Mesir malah seluruh penduduk Mesir amnya maka purata pendapatan penduduk Mesir dalam setahun ialah 2 pound. Jumlah ini jauh lebih rendah berbanding perbelanjaan diperlukan untuk seekor keldai. Bagi perbelanjaan seekor keldai, pemiliknya perlu membelanjakan:

140 sen untuk 5 ikat rumput kering.

30 sen untuk 1 ½ pikul makanan haiwan.

150 sen untuk satu guni kacang.

20 sen untuk 4 qirat bijirin jagung.

Semuanya berjumlah 340 sen. Jumlah ini jauh lebih besar berbanding perbelanjaan hidup untuk seorang di Mesir. Ini bermakna 4 juta rakyat Mesir hidup di bawah tahap haiwan.

Di Mesir terdapat 320 buah syarikat asing yang menguasai sepenuhnya infrastruktur utama. Pada tahun 1938 yang lalu, jumlah keuntungan yang diperolehi oleh syarikat-syarikat ini ialah 7,637,482 pound. Semua ini hasil titik peluh rakyat Mesir walaupun setengah daripada jumlah penduduk tidak mampu menikmati sebarang makanan.

Pada tahun 1934, klinik-klinik kerajaan menerima seramai 7,241,383 orang pesakit. 1 juta di antara mereka menghidap *bilharsia*. Setengah juta menghidap

penyakit *inklastoma* dan 1 ½ juta orang menghidap penyakit *ophthalmia*. Di Mesir, 90% penduduk menghidap penyakit mata dan parasit. Dari jumlah itu seramai 55,575 orang hilang penglihatan mereka. Pemeriksaan perubatan yang dijalankan di sekolah, kolej, universiti termasuk akademi tentera menunjukkan sesuatu yang luarbiasa iaitu para pelajar memiliki tubuh badan yang lemah.” (al-Banna, 1991)

Analisis-analisis bersifat kualitatif dan kuantitatif di atas menunjukkan betapa al-Imam as-Syahid menguasai realiti dan memahami keadaan sebenar umat Islam secara mendalam dan menyeluruh. Penguasaan ini membolehkan beliau membuat kesimpulan-kesimpulan yang kukuh dan berasaskan fakta. Kesimpulan-kesimpulan itu menjadi asas kepada terbentuknya agenda pembangunan umat yang menyeluruh.

Selepas analisis sejarah dan realiti di atas, al-Imam as-Syahid Hasan al-Banna telah mendapat gambaran menyeluruh dan mendalam mengenai permasalahan sebenar umat Islam. Gambaran yang jelas itu membantu beliau dalam membentuk idea kebangkitan semula umat.

Undang-undang Perubahan

Hasil daripada pengamatan terhadap sejarah jatuh bangun umat Islam dan sejarah kebangkitan pelbagai bangsa di sepanjang zaman, al-Imam as-Syahid Hasan al-Banna telah menggariskan beberapa perkara yang dikira sebagai undang-undang universal dalam konteks agenda perubahan dan pembangunan mana-mana umat di dunia.

1. Ideologi / falsafah melatari perubahan

Undang-undang yang pertama ialah kemestian wujudnya fikrah, ideologi, falsafah atau kerangka pemikiran yang melatari agenda perubahan. Gerakan perubahan yang tidak mempunyai apa-apa ideologi kukuh kecuali untuk memenuhi tuntutan kepentingan sempit dan mengejar kedudukan semata-mata tidak akan kekal dalam medan pertarungan dan persaingan. Akibatnya agenda perubahan itu akan gagal, walaupun dihiasi dengan slogan, kempen dan gambaran zahir yang hebat dan mempesonakan.

Dalam konteks agenda pembangunan umat, Islam yang merupakan agama yang syumul dan lengkap adalah kerangka pemikiran yang seharusnya melatari perjuangan kebangkitan. Seruan-

seruan kebangkitan dan pembangunan yang diasaskan di atas asas selain Islam dan berorientasikan fahaman kebendaan dan sekular sudah tentu tidak akan membawa apa-apa erti, malah sebaliknya ia akan menemui titik penamat hayatnya, sama ada cepat atau lambat. Dalam hal ini al-Imam as-Syahid dipetik sebagai berkata:

Ikhwan al-Muslimin meyakini ketika Allah Taala menurunkan al-Quran dan memerintahkan hamba-Nya mengikut jejak Muhammad s.a.w., ketika Allah reda Islam sebagai agama, Allah telah gariskan segala asas yang perlu untuk kehidupan, kebangkitan dan kesejahteraan sesebuah bangsa. Ini bertepatan dengan firman Allah Taala:

“Iaitu orang-orang yang mengikut Rasulullah (Muhammad s.a.w.) Nabi yang Ummi, yang mereka dapati tertulis (namanya dan sifat-sifatnya) di dalam Taurat dan Injil yang ada di sisi mereka. Dia menyuruh mereka dengan perkara-perkara yang baik, dan melarang mereka daripada melakukan perkara-perkara yang keji; dan Dia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik, dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk; dan Dia juga menghapuskan dari mereka beban-beban dan belenggu-belenggu yang ada pada mereka.” (Al-A’raf: 157)

Jika anda mengkaji dengan mendalam ajaran Islam ini, anda akan menemui Islam telah meletakkan kaedah-kaedah yang tepat, sistem-sistem yang sesuai dan undang-undang yang terperinci buat kehidupan manusia baik lelaki mahupun perempuan, kehidupan keluarga dalam soal pembinaan sesebuah keluarga dan perceraian, kehidupan bangsa dalam soal pertumbuhan, kekuatan dan kelemahannya. Islam juga telah menjelaskan secara terperinci idea-idea yang perlu dikaji oleh semua gerakan pemulihan dan pemimpin bangsa. (al-Banna, 1991)

2. Kekuatan dalaman (kehendak dan semangat)

Kekuatan jiwa merupakan kekuatan utama dalam kebangkitan mana-mana umat di sepanjang sejarah manusia. Ramai yang berpendapat bahawa kekuatan ekonomi dan politik merupakan prasyarat bagi kebangkitan semula umat Islam menuju ke arah kegemilangannya. Hakikatnya pendapat ini sebenarnya silap. Perkara ini dinyatakan oleh al-Imam as-Syahid dalam petikan di bawah:

Pada kebiasaannya manusia akan melihat hanya kepada penampilan kerja dan gaya sesuatu aliran. Mereka biasanya mengabaikan aspek dorongan psikologi dan rohani yang sebenarnya menjadi sumber dan penjana aliran tersebut. Kedua-dua aspek inilah sebenarnya yang menentukan pertumbuhan dan kejayaan aliran tersebut. Hakikat ini tidak dapat dinafikan oleh sesiapa. Hanya mereka yang tidak mengkaji dan mengenali selok-belok aliran-aliran ini akan menafikannya. Sebenarnya di sebalik segala penampilan semua aliran ini ada roh yang menjana dan ada kekuatan dalaman yang menggerakkan dan menguasainya. Mustahil suatu bangsa akan bangkit jika mereka tidak memiliki kesedaran ini dalam jiwa, roh dan sentimen mereka.

“Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri.” (Al-Ra’d: 11)

Jadi di sini dapat saya katakan: Perkara pertama yang perlu kita tumpu dalam dakwah kita, perkara paling utama yang perlu kita berikan perhatian sepanjang pertumbuhan, penonjolan dan perkembangannya ialah kesedaran rohani yang spontan. Kesedaran rohani pertama yang kita inginkan ialah hati yang hidup, kebangkitan perasaan dan sentimen yang sebenar. Tumpuan kita dalam membicarakan tentang sudut praktikal dalam melakukan perubahan dengan dakwah kita ini tidak setinggi tumpuan kita dalam menerapkan fikrah ini ke dalam jiwa manusia.

Kita mahukan jiwa yang hidup, kuat dan bertenaga. Kita mahukan hati baru yang menyala. Kita mahukan perasaan yang bergejolak membara. Kita mahukan roh yang bercita-cita tinggi. Jiwa yang dapat membayangkan betapa tingginya impian dan matlamat ini supaya ia dapat mengejar dan mencapainya. (al-Banna, 1991)

3. Perubahan sendiri

Agenda pembangunan ini mesti bermula daripada perubahan pada diri umat ini sendiri dan individunya. Mengenai undang-undang ini, al-Imam as-Syahid berkata:

“Ini adalah undang-undang dan sunnah yang telah Allah tetapkan untuk alam ini dan tiada apa yang dapat mengubah sunnah ini.

“Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. (Al-Ra’d: 11)” (al-Banna, 1991)

4. Elemen pemuda

Generasi muda merupakan tulang belakang bagi operasi perubahan dan pembangunan umat.

Dalam soal ini, al-Imam as-Syahid telah menegaskan:

Sesungguhnya sesuatu fikrah itu hanya boleh berjaya bila mana terdapat pengikut-pengikut yang yakin penuh dengan ajarannya, yang benar-benar ikhlas dalam usaha menegakkannya, yang mempunyai semangat yang berkobar untuk mempertahankan kewujudannya, dan disamping itu ada kesediaan yang mendorong mereka ke arah berkorban serta terus bertindak menjayakannya. Keempat-empat rukun tersebut; yakin, ikhlas, semangat dan amal adalah merupakan ciri-ciri utama pemuda.

Kesimpulan ini ialah kerana asas keimanan itu ialah hati yang cerdas; asas keikhlasan ialah sanubari yang jernih dan bersih, dan asas semangat insan ialah perasaan yang segar mekar; manakala asas bagi setiap amal pula ialah keazaman yang gagah lagi tabah.

Itulah sebabnya maka angkatan pemuda, sejak dahulu hingga sekarang, tetap merupakan tiang pasak bagi kebangkitan sesuatu umat. Mereka merupakan rahsia kekuatan mana-mana kebangkitan; malahan angkatan pemuda jugalah yang menjadi barisan penjulung panji-panji bagi sesuatu fikrah perjuangan.

Allah berfirman;

Sesungguhnya mereka itu adalah pemuda-pemuda yang beriman dengan Tuhan mereka; dan Kami tambahkan petunjuk kepada mereka. (Kahfi: 13) (al-Banna, 1991)

5. Penyediaan pejuang

Agenda pembangunan dan perubahan adalah mustahil untuk dilakukan tanpa kehadiran pejuangnya. Oleh yang demikian, isu tarbiyah dan pendidikan bagi menghasilkan barisan pejuang merupakan isu pokok dan utama dalam konteks survival mana-mana agenda perubahan. Hasan al-Banna telah menyentuh mengenai kepentingan perkaderan pejuang sebagai kayu ukur kekuatan sesuatu agenda kebangkitan dan kekuatan sesuatu umat:

“Pejuang adalah rahsia hayat sesebuah bangsa dan tonggak utama kebangkitannya.

Sejarah manusia sebenarnya adalah sejarah kelahiran pejuang-pejuang yang

berketrampilan dan memiliki jiwa serta kemahuan yang tinggi. Kekuatan atau kelemahan sesebuah bangsa diukur sejauhmana suburnya bangsa ini dalam melahirkan pejuang-pejuang yang memiliki sifat-sifat kepahlawanan yang sebenar.” (al-Banna, 1991)

6. Pertembungan yang pasti

Manusia ditakdirkan Allah akan sentiasa bertembung sesama sendiri dan perkara ini terbukti di sepanjang sejarah manusia. Bahkan, undang-undang pertembungan itu merupakan rahsia hayat bagi mana-mana agama di atas muka bumi ini. Dalam isu ini, al-Imam al-Banna berkata:

Kita ditakdirkan untuk lahir dalam generasi yang sedang menjadi habuan pelbagai bangsa lain. Generasi yang sedang berjuang bermati-matian untuk hidup. Kemenangan pasti akan memihak kepada pihak yang kuat dan terkehadapan.

Suasana yang ada juga memaksa kita menghadapi peninggalan masa silam yang sangat getir dan kita merasai kepahitannya. Kitalah yang bertanggungjawab memecahkan belenggu dan halangan serta menyelamatkan diri kita dan anak-anak kita. Di samping itu kita perlu mengembalikan kemuliaan dan kegemilangan kita serta menghidupkan semula tamadun dan ajaran agama kita.

Takdir juga telah menentukan kita terpaksa menempuhi era peralihan yang sengit. Di zaman di mana pelbagai gelombang pemikiran, aliran fahaman dan kepentingan peribadi mencorak individu, bangsa, kerajaan, pertubuhan dan dunia seluruhnya. Akibatnya fikiran dan jiwa manusia menjadi keliru dan tidak menentu. Manusia ibarat pengemudi kapal yang hanyut di tengah gelombang, mencari-cari arah tujuhnya. Malangnya tiada sebarang petanda yang dapat dilihat dengan jelas. Segala-galanya kelihatan kelim. Di sepanjang jalan, di tengah malam yang gelap gelita ini kedengaran suara sayup-sayup memekik memanggilnya. Hanya ada satu perkataan sahaja yang tepat menggambarkan situasi manusia di ketika itu iaitu “gawat”.

Begitulah kita ditakdirkan untuk berhadapan dengan semua situasi ini. Ia meminta kita supaya berusaha menyelamatkan bangsa ini yang sedang diancam bahaya.

Sebuah bangsa yang sedang dilanda masalah seperti masalah kita ini, sebuah bangsa yang sedang bangkit melaksanakan tugas seperti tugas kita ini, sebuah bangsa yang sedang memikul tanggungjawab seperti tanggungjawab kita ini, bangsa ini tidak boleh sama sekali berasa lega dengan aspirin atau bergantung hanya kepada impian dan angan-angan. Sebaliknya mereka perlu mempersiapkan diri untuk mengharungi perjuangan yang panjang dan sengit. Pertembungan yang hebat antara hak dan batil, antara yang berguna dan yang tidak, antara pemilik dan perampas, antara orang yang mengikut arus dan yang menongkah arus, antara orang yang ikhlas dan orang yang khianat. Bangsa ini perlu memahami bahawa jihad bererti bersusah payah dan bersusah bererti berpenat lelah. Jihad bererti berakhir masa untuk berehat kecuali setelah selesai perjuangan ini. (al-Banna, 1991)

Berdasarkan undang-undang pertembungan yang pasti ini, tiada sebarang gerakan kebangkitan dan agenda pembangunan umat yang boleh berjaya tanpa melalui era persaingan antara seruan-seruan yang pelbagai, pertembungan antara pelbagai ideologi dan kepentingan. Justeru itu, bangsa yang ingin bangkit dan melaksanakan agenda pembangunannya, perlu membuat persediaan yang secukupnya untuk menempuh jalan sukar dan berisiko tinggi ini, kerana ia adalah undang-undang alam yang ditentukan Allah.

Kerangka Pemikiran

Al-Imam as-Syahid Hasan al-Banna telah meletakkan Islam, dalam erti kata yang sebenar dan sahih, sebagai kerangka pemikiran yang melandasi agenda pembangunan ummah yang dipeloporinya. Beliau menyifatkan dakwahnya sebagai penerusan kepada dakwah baginda Rasulullah S.A.W. Perkara ini dinyatakannya secara jelas dan beliau mendidik anggota Ikhwan Muslimin di atas dasar ini.

Sebenarnya kita amat yakin tanpa ragu dan syak, malah keyakinan kita ini lebih kukuh dan tegap dari gunung-ganang yang memasak bumi, dan lebih mendalam daripada lubuk hati sanubari, bahawa tiada sebarang fikrah perjuangan melainkan hanya satu sahaja “fikrah” yang benar-benar mampu menyelamatkan dunia yang sedang terseksa, yang benar-benar berupaya membimbing manusia yang sedang berada dalam keadaan kebingungan, dan yang benar-benar sanggup memimpin umat manusia ke arah jalan yang sewajarnya. “Fikrah” perjuangan yang satu itu amat

berhak untuk diberi segala pengorbanan jiwa raga demi meninggikan kedudukannya, demi memperkenalkannya serta mendorong umat manusia supaya menghayatinya. “Fikrah” yang tunggal itu tidak lain dan tidak bukan ialah “Islam yang suci”, yang sekali-kali tidak terdapat di dalamnya sebarang penyelewengan, keburukan dan kesesatan yang akan menimpa sesiapa yang mengikutnya.” (al-Banna, 1991)

Setelah menegaskan Islam sebagai kerangka pemikiran gerakan kebangkitan yang dipeloporkannya, al-Imam al-Banna seterusnya meletakkan 20 asas kefahaman Islam sebagai satu garis panduan yang mampu bertindak mendekatkan jurang perbezaan kefahaman dan perselisihan pendapat di kalangan umat Islam dalam memahami agamanya, serta meletakkan semua pihak berada dalam satu lingkungan kefahaman yang disepakati. Kesemua 20 asas kefahaman Islam itu lebih dikenali sebagai “Usul ‘Isyirin” terdapat dalam Risalah Taalim, daripada buku Majmua Rasail. Kesemua 20 asas itu, jika diteliti dengan baik memperlihatkan satu jalan penyelesaian bagi banyak pertikaian dan pertelingkahan di kalangan umat Islam yang berpunca daripada perbezaan pendapat dalam memahami Islam. Jalan penyelesaian ini amat penting sebagai pra syarat kepada proses kebangkitan semula dan pembangunan umat menuju ke arah zaman kegemilangannya, keluar dari kemelut yang dihadapi masa kini untuk selama-lamanya.

Selain itu, beliau turut menyentuh tentang isu nasionalisme atau fahaman kebangsaan. Dalam soal ini, beliau lebih mementingkan maksud di sebalik perkataan itu. Oleh sebab itu kita dapati beliau telah mengupas tentang isu ini dalam bentuk yang jelas dan mampu mengeluarkan umat dari kancas kekeliruan dan perdebatan yang tidak berkesudahan. Antara kata-kata beliau mengenai isu ini:

Nasionalisme Arab atau Liga Arab, istilah ini juga ada hubungan yang amat ketara dengan dakwah kita. Arab adalah bangsa Islam yang pertama dan menjadi bangsa pilihan. Tepat sekali sabda Nabi s.a.w.:

“Apabila Arab lemah Islam juga akan lemah.”³

Islam tidak akan mampu bangkit jika bangsa Arab tidak mampu disatukan dan dibangunkan. Setiap inci bumi Arab ini kita anggap sama seperti bumi dan tanahair kita sendiri.

Sempadan geografi dan pecahan politik yang ada kini tidak mampu memisahkan kita selama-lamanya dengan kesatuan Arab Islam yang telah berjaya menyatukan manusia

dalam satu harapan dan satu matlamat. Kesatuan ini telah berjaya menjadikan seluruh rantau ini menjadi satu bangsa walau apa jua cubaan jahat yang dilaksanakan.

Apa yang paling menarik ialah skop yang diletakkan oleh Rasulullah s.a.w. ketika menghuraikan makna Arab. Baginda telah mengungkapkan Arab ini sebagai bahasa dan agama Islam.

Al-Hafiz Ibnu Asakir ada meriwayatkan dalam musnadnya daripada Malik bahawa Nabi s.a.w. pernah bersabda:

“Wahai manusia, tuhan itu satu, bapa itu satu, agama itu satu. Arab itu bukan kerana hubungan kamu dengan bapa atau ibu kamu tetapi Arab itu adalah bahasa. Sesiapa yang berbahasa Arab dia adalah orang Arab.” (al-Banna, 1991)

Kaedah Perubahan

Setelah menerangkan tentang undang-undang perubahan dan kerangka pemikirannya, al-Imam al-Banna telah melakarkan manhaj perubahan bagi menjayakan agenda pembangunan menyeluruh bagi umat ini.

“Sesungguhnya manhaj Ikhwan Muslimin telah ditentukan fasa-fasanya dan mempunyai langkah-langkah yang jelas” (al-Banna, 1991)

Sesiapa yang mengkaji secara teliti buku Majmuah Rasail akan mendapati kebenaran kata-katanya itu, yang mana beliau telah mengatur satu kaedah perubahan yang jelas, dengan menentukan misi, objektif dan wasilah bagi mencapai objektif tersebut. Beliau turut menyatakan ketegasannya dalam menurut fasa-fasa perubahan, tanpa terikut dengan rentak inginkan kemenangan segera dan kemahuan orang-orang yang gopoh.

Pernyataan Misi

Al-Imam as-Syahid Hasan al-Banna telah menyatakan misi perubahan yang ingin dibawanya seperti berikut:

1- Melepaskan umat daripada kemelut politik dan membinanya semula: al-Imam al-Banna berkata: “Tugas kita terbahagi kepada dua: Bahagian yang pertama ialah melepaskan umat daripada kemelut politiknya sehingga ia memperoleh kebebasannya semula. Bahagian kedua

ialah membinanya semula agar kembali memimpin bangsa-bangsa lain dan bersaing menaiki anak tangga kesempurnaan sosial” (al-Banna, 1991)

2- Menyekat arus tamadun kebendaan: Dalam soal ini, al-Imam al-Banna telah menetapkan maksudnya dengan kata-kata beliau: “Adapun tugas kita secara umum ialah berusaha menyekat arus menggila tamadun kebendaan dan pemodenan berpaksikan hiburan dan syahwat, yang telah melanda seluruh umat Islam, lalu menjauhkan mereka dari kepimpinan Nabi S.A.W. dan petunjuk al-Quran...” (al-Banna, 1991)

3- Menegakkan sistem Islam yang syumul: al-Imam al-Banna telah menghuraikan maksud ini dengan kata-katanya: “Adapun secara terperinci ialah memastikan bahawa sistem pemerintahan... sistem hubungan antarabangsa... sistem pengamalan di mahkamah... sistem ekonomi... sistem pendidikan dan pelajaran... sistem kekeluargaan dan rumahtangga... sistem moral bagi individu... dan suasana umum menguasai setiap individu dalam umat, tidak kira rakyat atau pemerintah” (al-Banna, 1991)

4- Memimpin dunia dan membimbing manusia: Di sini, al-Imam al-Banna menerangkan tentang sumber misi dakwah iaitu Islam, yang berfungsi memberi petunjuk dan cahaya kepada seluruh umat manusia. Beliau berkata:

Inilah mesej yang ingin disampaikan oleh Ikhwan al-Muslimin kepada seluruh manusia, supaya umat Islam benar-benar memahaminya. Malah supaya mereka bersedia melaksanakannya dengan penuh keazaman dan ketabahan. Mesej ini bukanlah ciptaan Ikhwan al-Muslimin dan bukan rekaan mereka. Sebaliknya mesej ini jelas dinyatakan oleh ayat-ayat al-Quran al-Karim. Mesej ini dengan jelas dinyatakan oleh hadis-hadis Rasulullah s.a.w. yang mulia. Malah turut ditampikan dengan jelas melalui amalan generasi pertama yang merupakan teladan terbaik dalam memahami dan melaksanakan ajaran Islam. Jika umat Islam mahu menerima mesej ini, ia menjadi tanda keimanan dan keislaman mereka yang sebenar. Jika mereka keberatan untuk menerima atau masih sangsi,

di hadapan kita ada Kitab Allah. Hukumnya adil dan keputusannya muktamad. Ia akan menjadi hakim antara kita dan saudara-saudara kita ini. Kitab Allah yang menentukan sama ada kita di pihak yang benar atau salah.

“Wahai Tuhan kami, hukumkanlah antara kami dan kaum kami dengan kebenaran (keadilan), kerana Engkau jualah sebaik-baik Hakim.” (Al-A’raf: 89)
(al-Banna, 1991)

Objektif

Seterusnya al-Imam al-Banna telah menggariskan tujuh objektif perubahan yang disusun secara berurutan, sebagai satu pelan tindakan, sama ada di peringkat individu, keluarga, masyarakat dan negara. Beliau menyusun objektif perubahannya dalam satu risalah yang dinamakan “Risalah Taalim”, yang ditujukan kepada para anggota Ikhwan, seperti berikut:

1. Memperbaiki diri sendiri sehingga memiliki tubuh yang kuat, akhlak yang mantap, berpendidikan, mampu berdikari, akidah yang sejahtera, ibadah yang betul, bermujahadah melawan nafsu, menjaga masa, segala urusannya tersusun dan berguna kepada orang lain. Semua ini wajib bagi saudara semua.
2. Pembinaan keluarga muslim. Mendidik ahli keluarganya supaya menghormati gagasannya. Memelihara setiap adab Islam dalam setiap sudut hidup berumahtangga. Teliti ketika memilih isteri. Didik isteri tentang hak dan tanggungjawabnya. Didik anak dan pengasuh dengan baik dan besarkan mereka berdasarkan prinsip Islam. Ini juga wajib bagi saudara semua.
3. Membimbing masyarakat dengan cara mengembangkan aspek yang baik dalam masyarakat. Menghapuskan segala amalan yang tidak baik di samping menggalakkan amalan yang baik. Menyuruh masyarakat

melakukan perkara yang baik. Bertindak segera melakukan kebajikan. Menagih sokongan masyarakat supaya berpihak kepada gagasan Islam. Sentiasa berusaha menyemai budaya masyarakat menurut budaya Islam. Semua ini wajib dilakukan oleh saudara semua dan oleh jamaah sebagai badan pelaksana.

4. Membebaskan tanahair dengan cara mengusir kuasa asing (bukan Islam) daripada menguasai aspek politik atau ekonomi atau moral.

5. Memulihkan kerajaan supaya benar-benar bercirikan Islam. Dengan itu kerajaan ini akan menjalankan peranannya sebagai khadam kepada rakyat atau orang upahan rakyat dan bekerja demi kepentingan rakyat. Kerajaan Islam ialah kerajaan yang dianggotai oleh orang Islam dan melaksanakan segala fardhu Islam dengan tidak berterus terang melanggar perintah Islam. Kerajaan ini sebagai pelaksana hukum dan ajaran Islam.

Namun tidak salah jika kerajaan ini meminta bantuan orang bukan Islam ketika keadaan terdesak tetapi bukan untuk melantik mereka sebagai pemimpin. Kerajaan ini tidak perlu terikat kepada bentuk atau jenis tertentu. Apa yang penting ia mesti bertepatan dengan dasar pemerintahan Islam.

Sifat-sifat kerajaan ini ialah peka dengan tanggungjawab, prihatin dengan nasib rakyat, bertindak adil kepada semua, menjaga harta negara dan berjimat ketika menggunakannya.

Tanggungjawab kerajaan ini ialah menjaga keamanan, menguatkuasakan undang-undang, memberikan pendidikan kepada rakyat, membina kekuatan negara, menjaga mutu kesihatan, memelihara kepentingan rakyat, membangunkan sumber kekayaan negara, menjaga keselamatan sumber negara, memantapkan akhlak rakyat dan mengembangkan dakwah.

Hak kerajaan (setelah menunaikan tanggungjawabnya) ini ialah rakyat perlu memberikan kesetiaan dan ketaatan. Kerajaan ini perlu dibantu dengan pengorbanan nyawa dan harta.

Jika kerajaan ini cuai, ia perlu dinasihat dan ditunjuk ajar. Jika tidak ia perlu dipecat dan disingkir. Tidak dibenarkan mentaati makhluk untuk menderhakai Allah.

6. Mewujudkan kembali sebuah negara untuk umat Islam dengan cara memerdekakan semua tanahair umat Islam, menghidupkan semula sejarah kegemilangan mereka, merapatkan jurang budaya mereka dan menyatukan suara mereka sehinggalah muncul kembali Khilafah Islam yang telah lama lenyap dan lahir semula perpaduan umat Islam yang didambakan.

7. Menjadi pemimpin dunia dengan cara menyebarkan Islam ke seluruh pelusuk dunia.

“Sehingga tidak ada lagi fitnah, dan (sehingga) menjadilah agama itu seluruhnya (bebas) bagi Allah semata-mata.” (Al-Anfal: 39)

“Sedang Allah tidak menghendaki melainkan menyempurnakan cahayaNya.” (Al-Taubah: 32) (al-Banna, 1991)

Wasilah

Untuk mencapai objektif-objektif di atas, al-Imam as-Syahid Hasan al-Banna telah menetapkan empat wasilah utama, iaitu dakwah, tarbiyah, perjuangan perlembagaan dan jihad.

Dakwah

Dakwah merupakan kaedah asasi dalam mencapai mana-mana objektif di atas. Maksud dakwah secara mudah ialah menyeru dan mempengaruhi orang lain agar mempercayai dan melakukan sesuatu yang dikehendaki oleh pendakwah. Dakwah merupakan tugas para rasul dan nabi, selawat dan salam ke atas mereka. Dakwah juga merupakan satu kewajiban ke atas setiap

muslim. Berdasarkan bacaan terhadap tulisan dan kata-kata al-Imam al-Banna, dapatlah disimpulkan bahawa yang dimaksudkan dengan dakwah di sisinya ialah:

- 1- Penglibatan dalam melakukan projek kebajikan umum dan khidmat masyarakat.
- 2- Mengajar orang-orang dewasa, terutamanya tentang hukum hakam agama.
- 3- Memberi nasihat dan bimbingan.
- 4- Mendamaikan antara pihak yang bersengketa.
- 5- Mendermakan harta kepada orang-orang yang memerlukannya.
- 6- Mendirikan institusi-institusi yang mendatangkan manfaat kepada masyarakat.
- 7- Membentuk pendapat umum dan membetulkan sebarang salah faham terhadap Islam.
- 8- Menggunakan segala media yang ada seperti bahan bercetak, elektronik, seminar, rombongan pendakwah dan sebagainya.
- 9- Membasmi buta huruf, kejahilan, kefakiran, kelucahan dan wabak penyakit. (al-Ghazali, 2000)

Tarbiyah

Dakwah yang dilakukan perlu diikuti dengan proses tarbiyah dan didikan yang berterusan bagi orang-orang yang menyahut seruan dakwah tadi. Jika tidak, seruan dakwah tadi tidak mendatangkan kesan yang bermakna selain menimbulkan sedikit kesedaran. Agenda perubahan dan pembangunan umat memerlukan sekumpulan manusia yang mempraktikkannya dalam kehidupan harian, kerana ia bukan sekadar falsafah yang dilaungkan. Di sinilah letaknya kepentingan tarbiyah, sebagai pusingan pelengkap kepada operasi dakwah. al-Imam al-Banna amat memberi perhatian berat pada isu tarbiyah dan meletakkannya pada urutan keutamaan yang pertama kerana ia ibarat kilang yang menghasilkan individu-individu yang akan menjadi asas kepada masyarakat muslim contoh. Beliau berkata:

“Persiapkanlah diri kamu, didiklah ia dengan tarbiyah yang betul dan ujian yang teliti. Ujilah ia dengan amal, iaitu amal yang bersungguh-sungguh, yang tidak disukai dan sukar baginya. Renggangkan ia dari syahwat, kesukaan dan kebiasaannya.” (al-Banna, 1991)

Mengikut Abdul Hamid al-Ghazali, pengarang buku “Kajian Mengenai Fikrah Hasan al-Banna”, untuk melaksanakan program tarbiyah ini, al-Imam al-Banna memperkenalkan sistem usrah yang menghimpunkan beberapa orang anggota Ikhwan secara berkala. Anggota kumpulan yang

kebiasaannya tidak melebihi angka 10 ini diketuai oleh seorang Naqib. Mereka bertemu untuk menjalani proses mendidik diri agar menjadi seorang individu seperti yang telah diungkapkan sifatnya dalam objektif yang pertama. Pengislahan diri yang dilakukan secara beransur-ansur ini telah berjaya melahirkan individu-individu yang berubah dari tabiat dan perangai asalnya, menjadi individu yang beriltizam dengan ajaran Islam, malah bekerja bersungguh-sungguh menyumbang ke arah kesejahteraan masyarakat dan negara.

Selain usrah, Ikhwan juga menggunakan pelbagai wasilah lain untuk mendidik dan mentarbiyah anggota dan masyarakat. Antaranya ialah “katibah” yang merupakan perhimpunan pada waktu malam dengan menjalani ibadah qiamullail berserta pengisian ceramah bagi meningkatkan kekuatan rohani, “rehlah” yang bertujuan mengeratkan hubungan sesama anggota dan masyarakat. “Daurah” pula ibarat kursus-kursus untuk meningkatkan kemahiran dan kompetensi. “Mukhaiyam” untuk pentarbiyahan dari sudut jasmani dan disiplin. Muktamar juga dijadikan sebagai medan tarbiyah untuk menyuburkan pemikiran dan melatih anggota secara amali dalam kerja-kerja dakwah.

Perjuangan Perlembagaan

Agenda pembangunan umat ini tidak akan sempurna tanpa usaha pengislahan dalam bidang politik dan undang-undang. Aktiviti politik mempunyai pelbagai bentuk dan peringkat, dan tidak semestinya dalam bentuk politik kepartian. Dalam masa yang sama juga, ia mampu menarik anggota masyarakat untuk terlibat aktif dalam usaha memberi kesedaran Islam kepada masyarakat. Segala macam wasilah boleh digunakan dalam aktiviti politik, selama mana ia tidak bertentangan dengan nas dan ruh syarak. Al-Imam al-Banna menyatakan ketiga-tiga wasilah ini; dakwah, tarbiyah dan perjuangan perlembagaan seperti berikut:-

Cara-cara atau wahana yang kita gunakan ialah:

- 1- Meyakinkan orang ramai, sebarkan dakwah dengan apa cara sekalipun supaya seluruh masyarakat memahami dan menegakkannya dengan penuh keyakinan dan keimanan.
- 2- Selepas itu, kita saring anasir-anasir yang baik untuk dijadikan tonggak yang kukuh bagi mendokong gagasan perubahan ini.
- 3- Seterusnya kita melangkah ke medan perjuangan mengikut lunas undang-undang dengan tujuan dakwah ini dapat diketengahkan ke institusi-institusi rasmi. Dengan ini

dakwah akan dibantu dan didokong oleh kuasa yang efektif. Atas dasar ini, apabila tiba masa yang sesuai calon-calon daripada Ikhwan al-Muslimin akan tampil ke hadapan menjadi wakil kepada rakyat di badan-badan perwakilan rakyat. (al-Banna, 1991)

Jihad

Jihad yang dimaksudkan ialah jihad dengan segala macam peringkatnya, seperti kata-kata al-Imam:

“Tahap pertama jihad ialah mengengkari dengan hati dan tahap yang paling tinggi ialah perang di jalan Allah. Di antara dua tahap tadi ialah jihad dengan lidah, pena, tangan dan menyatakan kebenaran di hadapan pemerintah yang kejam.” (al-Banna, 1991)

al-Imam al-Banna meletakkan persediaan kekuatan umat sebagai memenuhi tuntutan jihad. Firman Allah Taala dalam surah al-Anfal ayat ke 60, yang bermaksud:

“dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan daripada pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan, dengan persediaan itu, musuh Allah dan musuh kamu”

Dalam Risalah Muktamar Kelima daripada buku Majmua Rasail, dalam konteks urutan kekuatan, al-Imam al-Banna menegaskan bahawa kekuatan yang paling utama ialah kekuatan akidah dan keimanan, diikuti dengan kekuatan kesatuan dan perpaduan, diakhiri dengan kekuatan ketenteraan dan persenjataan.

Penilaian

Berdasarkan susunan agenda pembangunan ummah di sisi al-Imam al-Banna di atas, penulis membuat beberapa pemerhatian dan penilaian dalam konteks pelaksanaan agenda tersebut di Malaysia.

1- Penulis berpendapat bahawa usaha al-Imam al-Banna untuk memahami gambaran sebenar permasalahan umat melalui usahanya menganalisis sejarah dan realiti merupakan satu pendekatan yang perlu diambil oleh pemikir dan pejuang bangsa di tanah air. Kemelut yang dihadapi oleh umat Melayu Islam kini bukanlah isu yang terasing daripada gelombang realiti

yang berlaku di dunia luar sana, sebagaimana ia seharusnya diteliti melalui dimensi sejarah. Kedua-dua usaha mengenali realiti dan menelusuri catatan sejarah mampu meletakkan kita di tempat yang betul untuk mendapatkan gambaran yang menyeluruh tentang semua isu yang timbul. Dengan cara ini juga kita tidak lagi dipandu oleh isu, sebaliknya berupaya berada di atas mengemudikan agenda membangunkan semula kekuatan dan kekuasaan umat di rantau ini.

2- Usaha mengubah nasib orang Melayu Islam di tanah air sendiri tidak akan membuahkan hasil jika Islam tidak diambil sebagai dasar dan falsafah bagi agenda pembangunan ummah. Memisahkan Melayu daripada Islam dalam konteks pembangunan sebuah bangsa yang berdaulat tidak akan membawa kesejahteraan, sebaliknya keadaan akan menjadi semakin gawat dengan pelbagai isu politik, ekonomi dan sosial.

3- Undang-undang perubahan kedua, ketiga dan keempat membayangkan betapa umat Islam di Malaysia terutamanya generasi muda amat perlu menjalani satu proses pentarbiyahan dan pendidikan mantap bagi melahirkan jiwa-jiwa yang bersemangat waja, rajin berusaha dan kental berhadapan kesukaran, berdikari dan berusaha merubah sikap, serta mempunyai wawasan hidup yang jelas. Hanya melalui pentarbiyahan dan pendidikan yang berterusan ini sahaja yang mampu menjadikan generasi muda kita boleh bersaing dengan kaum lain di tanah air sendiri. Segala bentuk dan jenis hiburan yang melalaikan hanya akan melahirkan generasi muda yang jiwanya lemah, tidak berdaya saing, sering mengharapkan bantuan dan subsidi, serta tidak mampu berdikari.

4- Kerangka pemikiran al-Imam as-Syahid Hasan al-Banna yang memperkenalkan 20 asas kefahaman sebagai titik persamaan antara sesama muslim dalam memahami Islam, merupakan satu pendekatan yang mesti dipandang serius oleh semua aliran dan pembawaan Islam di Malaysia. Perbalahan dan persengketaan yang merugikan dapat dihindari jika kita dapat bersepakat pada 20 asas kefahaman tersebut, yang diterima pakai oleh para ulamak seluruh dunia. Seterusnya ia juga mampu menghindari umat Islam daripada terseleweng kefahaman dan amalannya ke dalam kancan khurafat, bid'ah sesat, tahyul dan seumpamanya. Kefahaman yang sahih dan sejahtera tentang Islam merupakan faktor kekuatan utama yang harus dibina dalam diri umat ini, agar mereka mampu memelihara identiti sebagai sebaik-baik umat yang dibangkitkan

Allah di atas muka bumi, tidak mudah luntur keperibadiannya di hadapan gelombang ideologi barat yang mengganas.

5- Penjelasan al-Imam as-Syahid Hasan al-Banna tentang fahaman nasionalisme Arab dan hubungkaitnya dengan dakwah Ikhwan Muslimin, seharusnya menjadi renungan yang mematangkan umat Melayu Islam di bumi tercinta, bahawa Melayu dan Islam tidak boleh dipisahkan. Kemelut yang berpunca daripada percaturan perebutan kuasa yang rakus, tidak seharusnya meletakkan masa depan nasib orang-orang Melayu Islam dalam situasi yang diperjudikan dan mengorbankan keperibadian negara.

Rumusan dan Cadangan

Sesungguhnya manhaj perubahan al-Imam al-Banna yang dilakarkan di atas bukanlah satu kerangka teori semata-mata, malah ia telah dilaksanakan di banyak negara, termasuk Malaysia. Tarbiyah yang dijalankan telah berjaya membuahkan hasil yang diharapkan, sehingga lahir generasi yang boleh disandarkan harapan bangsa pada masa depan. Oleh itu penulis melihat terdapat keperluan yang amat mendesak agar agenda pembangunan umat yang dipelopori oleh al-Imam Hasan al-Banna ini diambil dan dilaksanakan secara serius ke atas umat Islam di Malaysia, khususnya sebagai jawapan dan jalan keluar bagi kemelut yang dihadapi oleh orang-orang Melayu Islam di negara kita dewasa ini, selain sebagai satu kaedah jangka panjang bagi membangunkan semula sebuah bangsa yang memimpin tamadun Islam di rantau ini.

Bagaimanapun, penulis turut mencadangkan agar kajian lanjut dijalankan dalam beberapa aspek pelaksanaan manhaj ini, terutamanya dalam isu penyesuaian budaya dan watak sasaran tempatan. Pembangunan sumber manusia dalam mana-mana organisasi perlu mengambil kira aspek budaya di kalangan kumpulan sasaran. Jika perkara ini penting dalam sesebuah organisasi kecil, maka sudah tentu ia lebih penting dalam konteks sebuah negara. Pembangunan ummah dalam sesebuah negara seharusnya melihat dengan terperinci dan menganalisa watak kumpulan sasaran, agar agenda pembangunan itu dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan. Mengabaikan aspek kajian watak kumpulan sasaran ini sudah tentu menyumbang kepada kegagalan pelaksanaan agenda pembangunan ummah.

Bibliografi

- 1- al-Quran al-Karim
- 2- _____. 1991. *Majmu'ah Rasail li al-Imam al-Syahid Hasan al-Banna*. Dar al-Tauzi' wa al-Nasyr al-Islamiah.
- 3- al-Ghazali, Abdul Hamid ibn Hasan. 2000. *Haula Asasiyat al-Masyruk al-Islami Li Nahdatil Ummah, Qiraah Fi Fikr al-Imam as-Syahid Hasan al-Banna*. Dar Tauzik Wa Nasyr Islamiah, Kaherah.
- 4- Masyhur, Mustafa. 1994. *Fiqhud Dakwah*. Dar Tauzik Wa Nasyr Islamiah, Kaherah.

¹ Kertas kerja ini dibentangkan dalam Konvensyen Pemikiran Hasan al-Banna Dalam Melakar Bangsa di UNITEN, Putrajaya pada 30 Januari 2010, anjuran Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA)

² Penulis ialah Timbalan Setiausaha Agung, Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA).

³ Hadith ini dikeluarkan oleh Abu Yu'la al-Mousili dalam Musnadnya, hadith yang ke 1839. al-Haithami berkata dalam Majmak az-Zawaid: "Diriwayatkan oleh Abu Yu'la, dan dalamnya ada Muhammad bin al-Khattab al-Basri yang ditad'ifkan oleh al-Azdiy dan selainnya. Manakala Ibnu Hibban mentausiqkannya. Adapun rijalnya yang lain adalah Rijalus Sahih". al-Albani pula berpendapat ia Maudhu' dan menyifatkan kata-kata al-Haithami sebagai sangkaan: "Adapun apa yang dikatakan oleh al-Haithami dalam Majmak (10/53): Diriwayatkan oleh Abu Yu'la, dan dalamnya ada Muhammad bin al-Khattab al-Basri yang ditad'ifkan oleh al-Azdiy dan selainnya. Manakala Ibnu Hibban mentausiqkannya. Adapun rijalnya yang lain adalah Rijalus Sahih", maka yang demikian itu adalah antara ilusinya, rahimahullah, kerana Ibnu Jad'an bukan daripada Rijalus Sahih, selain itu ia juga Da'if seperti yang telah dinyatakan".

Tetapi, selepas itu, al-Albani berkata: "Bagaimanapun, ia tidak menafikan bahawa bangsa Arab merupakan bangsa yang terbaik di kalangan bangsa-bangsa lain, bahkan inilah yang aku percaya, yakin dan imani –walaupun aku berbangsa Albani, aku seorang muslim, alhamdulillah- kerana apa yang aku sebut tentang kelebihan orang Arab merupakan pegangan Ahlus Sunnah Wal Jamaah, yang disebut oleh beberapa hadith dalam soal ini, antaranya sabda Rasulullah s.a.w.: "Sesungguhnya Allah telah memilih daripada kalangan anak Ibrahim, dan memilih Bani Kinanah daripada kalangan anak Ismail, dan memilih Quraisy daripada kalangan Bani Kinanah, dan memilih Bani Hasyim daripada kalangan Quraisy, dan memilih aku daripada kalangan Bani Hasyim", diriwayatkan oleh Imam Ahmad (4/107) dan Termizi (4/392) dan Termizi mengatakannya sebagai Sahih. Asalnya dalam Sahih Muslim (7/48), begitu juga al-Bukhari dalam "Tarikh as-Soghir", muka surat 6 daripada hadith Wathilah ibnil Asqa'. Ia juga mempunyai sokongan riwayat daripada al-Abbas ibn Abdil Muttalib, di sisi Termizi dan beliau mengatakannya sebagai Sahih, dan Ahmad. Selain itu ia turut disokong oleh riwayat daripada Ibnu Umar di sisi al-Hakim dan beliau mengatakannya sebagai Sahih. (Sumber daripada buku Majmuah Rasail al-Imam as-Syahid Hasan al-Banna, 2006 versi yang telah ditahqiq dan tanqih, Dar Nasyr Wa Tauzik Islamiah, Kaherah)